

Fasa kedua RMK-9 kurang beban

Oleh Jami'ah Shukri

TAMBAHAN RM30 bilion, menjadikannya RM230 bilion untuk perbelanjaan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi tujuan pembangunan dan menampung kenaikan kos projek sedia ada berikutan peningkatan harga bahan binaan serta pengeluaran makanan.

Ia antara langkah wajar sebagai pemacu ke arah pertumbuhan sosioekonomi negara yang lebih mapan, terutama dalam menghadapi mengalami krisis kenaikan harga bahan api dan makanan global.

Pada masa ini, kira-kira 70 peratus daripada jumlah pendapatan rakyat kita dibelanjakan untuk keperluan makanan, manakala selebihnya bahan api serta barangan lain. Penstrukturan semula subsidi minyak dan makanan asas lain sejak akhir-akhir ini menimbulkan pelbagai reaksi.

Serentak itu, kerajaan mengambil keputusan memberi pelbagai subsidi dan insentif kepada golongan tertentu membatik mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana bagi mengurangkan beban ditanggung, terutama mereka yang tinggal

bandar dan luar bandar.
B.H 28/06/08 M/S 10
Pegarah Urusan Bank Pembangunan Asia, Rajat M Nag, pada Forum Ekonomi Dunia mengenai Asia Timur menyarankan subsidi wajar diberi kepada kumpulan sasaran seperti golongan miskin bagi membantu meringankan beban kesan tekanan inflasi terhadap kos sara hidup.

Subsidi itu boleh diadakan dalam bentuk sokongan pendapatan tunai atau peningkatan subsidi kesihatan kerana dipercayai mampu mengurangkan beban perbelanjaan 70 peratus untuk makanan dan bahan api.

"Saranan kami ialah menjadikan subsidi lebih tertumpu berbanding secara meluas. Subsidi menyeluruh secara fizikalnya tidak berpanjangan dan tidak membantu rakyat yang benar-benar memerlukan bantuan," katanya.

Kadar kemiskinan keseluruhan rakyat pula menurun daripada 3.6 peratus pada tahun lalu berbanding 5.7 peratus pada 2004 dan dalam tempoh sama kadar kemiskinan tegar menurun daripada 1.2 peratus kepada 0.7 peratus.

Namun, bukan saja masyarakat peringkat itu dihimpit masalah, sebaliknya bagi

golongan berpendapatan rendah dan sederhana, turut merasai tekanan berikutan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan sehingga memaksa mereka untuk mengambil langkah berjimat-cermat dalam setiap sen dikeluarkan.

Agenda paling besar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pula untuk mengeluarkan makanan keperluan seperti beras dan daging mencukupi bagi keperluan rakyat. Menerusi Pelan Peningkatan Pengeluaran Beras Negara diperuntukkan kira-kira RM1.7 bilion bagi tahun ini dilancarkan untuk memenuhi sehingga 86 peratus keperluan 27 juta penduduk menjelang 2010.

Di samping itu, menerusi Dasar Jaminan Makanan Negara itu akan disalurkan RM803 juta kepada agensi pelaksana di seluruh negara dan kira-kira RM923 juta lagi sebagai subsidi dan insentif bagi tanaman padi sepanjang tahun ini.

Peningkatan peruntukan bagi pengeluaran makanan, termasuk beras dan daging adalah langkah jangka panjang bukan saja untuk menampung keperluan negara malah dapat menjimatkan perbelanjaan. Ketika ini, sebahagian produk makanan ne-

rakyat

gara masih diimport, iaitu kira-kira RM23 bilion setahun.

Kebergantungan negara terhadap makanan import itu perlu dikurangkan secara berperingkat. Justeru, pengeluaran serta penghasilan hasil pertanian itu dapat dilakukan dengan produktif dan agresif menerusi projek penanaman berskala besar seperti memperbanyakkan gabungan skim dilaksanakan Felcra.

Ini sekali gus dapat menjimatkan perbelanjaan serta lebih kos efektif. Kebanyakan negara maju seperti Amerika Syarikat melaksanakan projek pertanian dalam bentuk ladang selain menggunakan teknologi tinggi.

Bagaimanapun, di Malaysia, aktiviti pertanian masih dalam bentuk tradisional dan kurang teknologi hingga menghasilkan pengeluaran yang rendah.

Di samping itu, pengumuman peruntukan dana RM100 juta melalui Skim Kewangan Mikro Bandar Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi membantu golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar dengan gaji bulanan isi rumah kurang daripada RM2,000 sebulan, pula dilihat sebagai langkah yang mampu mengurangkan bebanan serta meningkatkan sara hidup mereka.

Sementara itu, Kementerian Pelajaran memperuntukkan RM302.7 juta bagi melaksanakan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Program Susu Sekolah (PSS) sepanjang sesi persekolahan 2008. Daripada jumlah itu RM276.7 juta untuk RMT, manakala bakinya RM26.7 juta lagi PSS.

Selain itu, kira-kira 500,000 murid miskin di seluruh negara yang mengikuti Skim Baucar Tuisyen (SBT) akan diberi makanan tengah hari percuma berkuat kuasa Mac lalu.

Kekangan terhadap krisis harga petrol dan barangan keperluan bukan saja di Malaysia, malah menjadi fenomena global. Pelbagai subsidi dan bantuan lain diperlukan untuk mengimbangi taraf hidup mereka. Begitu juga negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Singapura yang menghadapi masalah sama.

Pendapatan perkapita rakyat Singapura, contohnya dikatakan lapan kali ganda daripada pendapatan perkapita rakyat Malaysia; Taiwan dua hingga tiga kali ganda atau RM52,700 setahun dari pendapatan rakyat Malaysia manakala Korea Selatan jauh lebih tinggi, iaitu RM66,000 setahun berbanding Malaysia.

Di Singapura, antara negara di Asia yang mempunyai pendapatan perkapitanya lebih tinggi berbanding Malaysia, namun sebilangan penduduk miskinnya tetap bergantung kepada makanan percuma disediakan di rumah ibadat.

Beruntungnya Malaysia, kerajaan tetap prihatin dengan masalah yang menghimpit masyarakat, terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana dengan peruntukan dana terbabit menerusi pelan perancangan Dasar Ekonomi Baru (DEB).